



Ekspo di Dubai teroka pelaburan, dagangan baharu

Safeek Affendy Razali - Oktober 15, 2021 @ 10:38pm
safeek@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Penyertaan Malaysia dalam Expo 2020 Dubai dilihat dapat memberi peluang kepada negara menonjolkan kepakaran teknologi dan keupayaan inovasi di pentas antarabangsa.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, ia juga membantu menarik kunjungan pemegang taruh antarabangsa berprofil tinggi terutama peneraju bidang sains dan teknologi, ahli perniagaan, pelabur dan tokoh korporat antarabangsa ke pavilion Malaysia.

Katanya, ia berdasarkan jumlah pelaburan dan perdagangan berjumlah RM7.2 bilion yang diraih Malaysia dalam tempoh dua minggu pertama penyertaan ekspo berkenaan.

"Kita optimis penyertaan Malaysia ke Expo 2020 Dubai, mampu mencapai sasaran iaitu mencapai nilai perniagaan dan pulangan pelaburan sebanyak RM8 bilion hingga RM10 bilion," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Dr Adham berkata, bagi minggu pertama di Expo 2020 Dubai, Technology Park Malaysia (TPM) yang juga agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menjana sebanyak RM5.96 bilion pulangan perdagangan dan pelaburan.

"Jumlah RM5.96 bilion ini merangkumi tiga memorandum persefahaman (MoU) dimeterai di antara TPM dan Ztartup.com, Purely B dan AM Zaideen Sdn Bhd serta DeTmax Engineering Sdn Bhd dan ADV Fusionex Sdn Bhd bernilai RM150 juta; tiga Surat Niat (LoI) membawa nilai RM2.73 bilion serta dua memorandum kerjasama (MoC) bernilai RM29 juta.

"Sementara itu 64 potensi perniagaan dijalankan dengan Emiriah Arab Bersatu (UAE), Namibia, Argentina, Kosovo, Slovenia, Slovakia dan Kanada bernilai RM3.05 bilion," katanya.

Beliau berkata, pada minggu kedua penyertaan Malaysia di expo sama, Cradle Fund Sdn Bhd iaitu agensi di bawah MOSTI memeterai 11 MoU dan menjana pulangan perdagangan serta pelaburan sebanyak RM1.26 bilion.

"Syarikat terbabit adalah Techcapital Resources Sdn Bhd dan Terrabit Consulting Pvt Ltd, India; Techcapital Resources Sdn Bhd dan Shaheena Foodstuffs Trading, UAE.

"Euro Curcuit Technology Sdn Bhd dan Modern Arab Laboratories LLC (MODAL) Oman; Euro Curcuit Technology Sdn Bhd dan Bardawiul Specialties Qatar W.L.L, Qatar.

"Euro Curcuit Technology Sdn Bhd dan El Komy, Mesir; MYEG dan China Academy Of Information and Communication Technology (CAICT) serta Neuon AI Sdn Bhd dan Liming Heavy Industry, China," katanya.

Dr Adham berkata, MOSTI merakamkan penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang mengucapkan tahniah dan sokongan terhadap kejayaan ini.